



## KERAJAAN MALAYSIA

---

# Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam

---

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

## KANDUNGAN

<b>BADAN BERKANUN &amp; AHLI SEKTOR SWASTA .....</b>	<b>2</b>
<b>WP 7.2/2013 Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam.....</b>	<b>2</b>
<b>1. Tujuan .....</b>	<b>2</b>
<b>2. Latar Belakang .....</b>	<b>2</b>
<b>3. Dasar Dan Garis Panduan Bayaran Bonus .....</b>	<b>2</b>
<b>4. Mengemukakan Cadangan Bayaran Bonus Dan Dividen Secara Serentak.....</b>	<b>4</b>
<b>5. Pemakaian .....</b>	<b>4</b>
<b>6. Perkara-perkara Am .....</b>	<b>4</b>

## **BADAN BERKANUN & AHLI SEKTOR SWASTA**

### **WP 7.2/2013 Dasar Dan Garis Panduan Mengenai Bayaran Bonus Oleh Badan-Badan Berkanun Yang Diasingkan Pengurusan Saraannya Daripada Sektor Awam**

#### **1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk mengadakan garis panduan mengenai bayaran bonus kepada anggota-anggota dalam Badan-badan Berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada saraan Sektor Awam.

#### **2. Latar Belakang**

- 2.1 Kerajaan telah memutuskan untuk mengadakan satu garis panduan mengenai bayaran bonus oleh Badan-badan Berkanun yang diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam kepada semua kategori anggotanya supaya bayaran itu menjadi insentif yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan Badan-badan Berkanun berkenaan.
- 2.2 Setakat ini, Badan-badan Berkanun yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam ialah:
  - 2.2.1 Lembaga Tabung Haji (LTH);
  - 2.2.2 Bank Simpanan Nasional (BSN);
  - 2.2.3 Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT);
  - 2.2.4 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
  - 2.2.5 Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
  - 2.2.6 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

#### **3. Dasar Dan Garis Panduan Bayaran Bonus**

- 3.1 Badan-badan Berkanun yang telah diasingkan saraannya daripada saraan Sektor Awam dan telah melaksanakan sistem saraan baru masing-masing hendaklah mematuhi garis panduan berikut apabila hendak membayar bonus kepada anggota-anggotanya:
  - 3.1.1 Bayaran bonus ini hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan setelah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun masing-masing dan dipersetujui oleh Kementerian Pengawal;
  - 3.1.2 Pembayaran bonus hendaklah berdasarkan prestasi agensi berkenaan serta prestasi anggota-anggotanya;

- 3.1.3 Badan-badan Berkanun berkenaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai, tidak termasuk keuntungan luar biasa, dibenar membayar bonus untuk sesuatu tahun kepada anggota-anggotanya;
- 3.1.4 Keuntungan munasabah perlu mengambilkira di antara lain, objektif Badan-badan Berkanun berkenaan termasuk tanggungjawab sosial;
- 3.1.5 Badan-badan Berkanun berkenaan yang mempunyai keuntungan perlu mengemukakan kepada Kementerian Pengawal dan Kementerian Kewangan cadangan bayaran bonus yang mengandungi butir-butir yang terperinci seperti keuntungan sebelum cukai bagi tahun yang berkenaan dan bagi tiga tahun sebelumnya, asas-asas dan implikasi kewangan yang terlibat mengenai bayaran bonus ini di dalam tempoh tidak lebih dari satu bulan selepas buku akaun tahunannya ditutup dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Badan Berkanun tersebut;
- 3.1.6 Bagi anggota Bukan Eksekutif, jumlah bayaran bonus adalah tertakluk kepada persetujuan bersama di antara pihak Majikan dan Kesatuan Sekerja jika ada, dan jika tidak ada jumlah siling purata pembayaran bonus sebagai panduan tidak harus melebihi dua (2) bulan gaji;
- 3.1.7 Bagi Pegawai-pegawai Eksekutif, jumlah siling purata pembayaran bonus, sebagai panduan, tidak harus melebihi dua (2) bulan gaji; dan
- 3.1.8 Sekiranya ramai pegawai dan kakitangan tertentu yang menunjukkan prestasi yang cemerlang atau secara keseluruhannya Badan Berkanun berkenaan memperolehi keuntungan cemerlang, jumlah siling purata bayaran bonus yang melebihi dua (2) bulan boleh dipertimbangkan. Keuntungan cemerlang ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berasaskan kepada keuntungan operasi tiga (3) tahun yang lalu iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa.

#### **4. Mengemukakan Cadangan Bayaran Bonus Dan Dividen Secara Serentak**

4.1 Cadangan kepada Kementerian Pengawal dan Kementerian Kewangan mengenai bayaran bonus perlu dikemukakan secara serentak dengan cadangan bayaran dividen.

#### **5. Pemakaian**

5.1 Peraturan ini adalah terpakai bagi Badan-badan Berkanun berkenaan yang telah diasingkan pengurusan saraannya daripada Sektor Awam. Badan-badan Berkanun yang lain tidak dibenarkan membayar bonus kepada anggota-anggotanya tetapi boleh membayar imbuhan tahunan tertakluk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mengenainya dari semasa ke semasa.

#### **6. Perkara-perkara Am**

6.1 Bayaran bonus yang tidak mematuhi peraturan tersebut hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.